

512
MAHATHIR

1976
KUALA LUMPUR, 9 MAC (BERNAMA) -- RUNDINGAN TELAH DIADAKAN DENGAN PIHAK-PIHAK BERKENAAN DI UNITED KINGDOM SUPAYA SIJIL KELULUSAN PEPERIKSAAN DALAM BAHASA MALAYSIA DIIKTIRAF UNTUK MEMASUKI INSTITUSI PELAJARAN LUAR NEGERI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMAD YANG MEMBERITAHU DEMIKIAN HARI INI BERKATA SOAL PENGIKTIRAFAN SIJIL YANG BUKAN BERBAHASA INGGERIS OLEH NEGARA-NEGARA SEPERTI UNITED KINGDOM DAN AMERIKA SYARIKAT SEBENARNYA ADALAH PERKARA LAMA.

INI TENTU BOLEH DIFAHAMKAN JIKA DIFIKIRKAN BAHAWA BANYAK PENUN... YANG BELAJAR DI UNITED KINGDOM DAN AMERIKA SYARIKAT DATANG DARI NEGARA-NEGARA YANG TIDAK ADA 'SEKOLAH INGGERIS', KATANYA.

DR. MAHATHIR BERKATA DEMIKIAN KETIKA MERASMIKAN BANGUNAN TAMBAHAN SEKOLAH MENENGAH METHODIST JENIS KEBANGSAAN INGGERIS TELOK DATUK DI SINI.

KATANYA, APA YANG DIKEHENDAKI BAGI MEREKA YANG INGIN MELANJUTKAN PELAJARAN DI LUAR NEGERI IALAH KELULUSAN UJIAN KECEKAPAN DALAM BAHASA NEGARA-NEGARA BERKENAAN.

BELIAU MENYATAKAN BAGI BAHASA INGGERIS PERUNTUKAN MENGAMBIL UJIAN KECEKAPAN ITU AKAN DIADAKAN DI MALAYSIA SENDIRI. -- BERSAMBUNG 1150/YF

517
MAHATHIR 2 BANTING

DR. MAHATHIR BERHARAP PENJELASANNYA ITU AKAN MENGHAPUSKAN KEKHUATIRAN SETENGAH-SETENGAH PIHAK BAHAWA DENGAN PENGGUNAAN BAHASA MALAYSIA SEBAGAI BAHASA TUNGGAL DALAM PEPERIKSAAN, MAKA NILAI SIJIL AKAN JATUH ATAU TIDAK AKAN DIIKTIRAF OLEH INSTITUSI-INSTITUSI PELAJARAN DI LAIN NEGERI.

BELIAU JUGA BERHARAP KEKELIRUAN TIDAK TIMBUL TENTANG HAPUSNYA KELAS TINGKATAN SATU DENGAN PENGANTAR BAHASA INGGERIS MULAI TAHUN INI.

KATANYA, INI BERMAKNA PADA TAHUN 1976 HANYA PEPERIKSAAN SIJIL RENDAH PELAJARAN SAHAJA AKAN DIADAKAN DAN TIDAK ADA LAGI PEPERIKSAAN LCE KERANA PADA TAHUN TERSEBUT TIDAK ADA LAGI KELAS TINGKATAN TIGA DENGAN PENGANTAR BAHASA INGGERIS. -- BERSAMBUNG 1217/YF

518
MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

BELIAU JUGA MENJELASKAN SISTEM PELAJARAN KEBANGSAAN MEMPUYAI KEMAMPUAN DAN KESANGUPAN UNTUK MENERIMA MURID-MURID PERINGKAT MENENGAH DI KELAS TINGKATAN SATU TAHUN INI DARI SEMUA ALIRAN SEKOLAH RENDAH.

MASALAH TIDAK ADA TEMPAT UNTUK SEMUA MURID DI TINGKATAN SATU TIDAK TIMBUL, KATANYA.

TETAPI MURID DARI SEKOLAH RENDAH ALIRAN CHINA DAN TAMIL HENDAKLAH MULA-MULA MEMASUKI KELAS PERALIHAN PENGANTAR BAHASA MALAYSIA SELAMA SETAHUN.

MENURUTNYA, MULAI TAHUN INI KELAS PERALIHAN BAHASA MALAYSIA SAJA AKAN DIADAKAN SEJAJAR DENGAN MATLAMAT DASAR PELAJARAN KEBANGSAAN UNTUK MENJADIKAN BAHASA MALAYSIA SEBAGAI BAHASA PENGANTAR UTAMA DI PERINGKAT MENENGAH DAN YANG LEBIH TINGGI.

BELIAU BERHARAP IBUBAPA DAN MASYARAKAT AM MENYEDARI PERKEMBANGAN INI SUPAYA SISTEM PELAJARAN KEBANGSAAN TIDAK DISALAH MENGERTIKAN DALAM USAHA MENCAPAI PERPADUAN NEGARA DAN MENGADAKAN TENAGA MANUSIA MAHIR DAN BERDISIPLIN. -- BERSAMBUNG 1220/YF

519

MAHATHIR & KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR JUGA MENYERU IBUBAPA MENOLONG PARA GURU MENGEKALKAN DISIPLIN SUPAYA MASYARAKAT TIDAK AKAN TERANCAM OLEH ORANG-ORANG YANG TIDAK BERDISIPLIN.

HANYA DENGAN ADANYA SUASANA YANG BERDISIPLIN SESUATU RANCANGAN DAPAT BERJALAN DENGAN LANCAR DAN BOLEH MENCAPAI KEMAJUAN YANG TINGGI. TEGASNYA. -- BERNAMA 1222/YF